

# **KERAJAAN NEGERI KELANTAN**

## **PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN BIL. 6/96**

### **SISTEM BAYARAN HASIL TERKEHADAPAN**

Pekeliling ini dikeluarkan untuk memberitahu semua Pentadbir-Pentadbir Tanah dalam Negeri Kelantan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan telah membuat keputusan pada dasarnya meluluskan Sistem Bayaran Hasil Terkehadapan dan menerangkan tatacara/ aktiviti Sistem Bayaran Hasil Terkehadapan. Kemudahan ini adalah bagi menyenangkan tuan-tuan tanah membuat bayaran hasil tanah dan tali air sekaligus untuk beberapa tahun.

2. Tatacara/aktiviti Sistem Bayaran Hasil Terkehadapan adalah sebagaimana berikut :-

#### **2.1 Aktiviti-Aktiviti Pembayaran Hasil Tanah Terkehadapan**

a. Pentadbir Tanah hendaklah memulakan operasi sistem ini pada awal tahun sebagaimana berikut :-

- (i) Mengemaskinikan serta mewujudkan merekod cukai hasil tanah tahun semasa serta mencetakkan bil-bil.
- (ii) Apabila bayaran cukai tanah tahun semasa dan bayaran cukai terkehadapan dibuat, cukai tahun-tahun berikutnya di rekod diruangan medan "Hapusan" dan bakinya akan dimasukkan ke medan "LKK/Amaun" jika ada sebagaimana **Lampiran A.**

- (iii) Sekiranya bayaran yang dibuat lebih ataupun kurang daripada cukai tanah sebenar dalam fail “Cukai”, bayaran ini akan dikreditkan dalam satu ruangan dinamakan “LKK/Amaun”.

## **2.2 Urusan Berkaitan Dengan Hakmilik**

Pentadbir Tanah hendaklah memastikan supaya semua urusan-urusan berkaitan dengan hakmilik yang dibayar hasil terkehadapan seperti ubah syarat, pecah sempadan, pengambilan balik tanah dan lain-lain lagi yang melibatkan perubahan cukai tanah, kadar baru akan dikenakan dan syarat-syarat yang sedia ada akan diguna pakai. Dengan kata lain pembayaran cukai tanah bagi tahun berkenaan adalah setelah ditolak amaun pembayaran cukai tanah untuk tahun-tahun terkehadapan.

## **2.3 Tertakluk Kepada Semakan Cukai Tanah Di Bawah Seksyen 101 KTN**

---

- a. Pembayar-pembayar cukai tanah dikehendaki menambah amaun dimana kurang bagi cukai tanah mereka, jika amaun cukai tanah yang dibayar terkehadapan lebih rendah setelah semakan di bawah Seksyen 101 KTN dibuat. Surat pentadbiran akan dihantar kepada pemilik-pemilik tanah berkenaan.
- b. Tempoh pembayar-pembayar cukai tanah boleh membuat bayaran hasil tanah terkehadapan adalah dalam masa tidak lebih 10 tahun terkehadapan.

## **2.4 Pembayaran Balik Amaun Lebihan Kepada Pemilik Tanah**

- a. Mana-mana tanah yang diambil balik oleh atau diserahkan balik kepada Kerajaan dalam tempoh cukai tanah terkehadapan telah dibuat, lebihan bayaran boleh dituntut oleh pihak pembayar.
- b. Pemilik tanah berkenaan boleh membuat permohonan lebihan bayaran kepada Pentadbir Tanah berkenaan dan Pihak Pentadbir Tanah pula mengemukakan baucer kepada Pihak Perbendaharaan.

## **2.5 Menjadikan Hasil Negeri**

Setiap bayaran hasil terkehadapan akan terus dimasukkan ke dalam Kod Hasil dan terus dijadikan hasil negeri.

## **2.6 Penyata Bulanan Bayaran Hasil Terkehadapan**

Pentadbir Tanah hendaklah menyediakan satu penyata bulanan bagi menunjukkan prestasi pungutan cukai dan hendaklah dihantar ke Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian sebelum 10 haribulan pada tiap-tiap bulan berikutnya sebagaimana **Lampiran B**.

## **2.7 Laporan Rekod Bayaran Terkehadapan ( Hasil Tanah dan Tali Air )**

Laporan rekod bayaran terkehadapan (hasil tanah dan tali air ) bagi setiap bulan, akan dikeluarkan untuk makluman Pihak Perbendaharaan Negeri dan Pengarah Tanah Dan Galian oleh Pentadbir-Pentadbir sebagaimana **Lampiran C & D**.

## **2.8 Catitan Di Atas Bil-Bil Cukai Tanah**

- a. Setiap amaun bayaran hasil terkehadapan akan direkod oleh komputer dalam bil cukai tanah berkenaan.
  - b. Bil.cukai tanah ini tidak akan dikeluarkan lagi sehingga tamat tempoh bayaran terkehadapan.
3. Semu Pentadbir Tanah Negeri Kelantan bolehlah menerima bayaran hasil terkehadapan dan pekeliling ini berkuatkuasa mulai 01 Januari 1997.

**t.t**

**( Nik Aznan Shah bin Dato' Hj. Nik Abdullah )**

PENGARAH TANAH DAN GALIAN,  
KELANTAN.

### **KEPADA:**

Y.A.Brs. Semua Pentadbir Tanah  
Negeri Kelantan.

**SALINAN KEPADA:**

1. Y.A.B. Dato' Tuan Guru Menteri Besar, Kelantan.
2. Y.B Timbalan Menteri Besar, Kelantan.
3. Y.B Dato' Setiausaha Kerajaan, Kelantan.
4. Y.B.M Dato' Tengku Pegawai Kewangan Negeri Kelantan.
5. Y.B. Dato'Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan.
6. Y.A.Brs. Ketua Audit Negeri Kelantan.
7. Y.Brs. Penolong-Penolong Pengarah, Unit Pengambilan Tanah Kota Bharu & Machang.
8. Y.A.Brs. Ketua Eksekutif Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan ( PKINK ).
9. Y.Brs. Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan, Kelantan.

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN,  
NEGERI KELANTAN,  
BLOK 3, TINGKAT BAWAH,  
KOTA DARULNAIM,  
15576 KOTA BAHRU.**

**FAIL:PTG..KN. 4485(87)  
BERTARIKH : 12 SYA'ABAN 1417  
23 DISEMBER 1996**

**LAMPIRAN A**

**CONTOH FORMAT BDT11 (CUKAI)**

<b>TAHUN</b>	<b>CUKAI TAHUNAN (RM)</b>	<b>JUMLAH BAYARAN (RM)</b>	<b>HAPUSAN (RM)</b>	<b>LKK/ AMAUN (RM)</b>	<b>FLAG BAYAR</b>
1997	10.00	30.00	-	1/20.00	1
1998	10.00	-	10.00	1/10.00	1
1999	10.00	-	10.00	-	1

**Nota :**

- a) Kod LKK - 1 = Lebih bayar  
2 = Kurang bayar  
3 = Dikecualikan dari bayaran
- b) Flag Bayara - 1 = Sudah bayar  
2 = Belum bayar

**PENYATA PUNGUTAN HASIL TANAH DAN CUKAI TALI AIR  
TERKEHADAPAN BAGI BULAN ..... TAHUN .....**

**JAJAHAN : .....**

BIL	PERKARA	HASIL TANAH MILIK		CUKAI TALI AIR		KENYATAAN
		HASIL TAHUNAN (CURRENT)	HUTANG (ARREARS)	HASIL TAHUNAN (CURRENT)	HUTANG (ARREARS)	
1	Jumlah Hasil 1.1. Hasil pada .....hb...97 1.2. Hasil yang ditambah kemudian 1.3. Hasil yang dikurangkan 1.4. Hasil yang ditambah terhadap (+) 1.5. Hasil yang dikurangkan terhadap (-) (Telah bayar tahun sebelum)					
2	Jumlah Hasil Yang Patut DiPungut					
3	Jumlah Hasil Yang Dipungut 3.1 Dalam Bulan ..... 97 3.2 Pungutan Melalui Transfer Order 3.3 Hasil Terhadap					
4	Jumlah Pungutan Bulan .....					
5	Jumlah Pungutan .....Hingga.....					
6	Jumlah Pungutan ..... Hingga.... (Tidak Termasuk Hasil Terhadap)					
7	Baki Hasil Belum Di Pungut (2-5)					
8	Peratus Pungutan ..... hingga.....					
9	Matlamat (%)					





**LAMPIRAN C****PENYATA BAYARAN HASIL TANAH TERKEHADAPAN  
SEHINGGA BULAN ..... TAHUN .....****JAJAHAN : PASIR PUTEH**

BIL	DAERAH	TAHUN										JUMLAH PUNGUTAN (RM)
		1997 (RM)	1998 (RM)	1999 (RM)	2000 (RM)	2001 (RM)	2002 (RM)	2003 (RM)	2004 (RM)	2005 (RM)	2006 (RM)	
1	Padang Pak Amat	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00	10.00	1,000.00
2	Bukit Abal	12.00	12.00	12.00	12.00	12.00	12.00	12.00	12.00	12.00	12.00	120.00
3	Bukit Awang	24.00	24.00	24.00	24.00	24.00	24.00	24.00	24.00	24.00	24.00	240.00
4	Bukit Jawa	10.00	10.00	10.00	10.00	10.00	10.00	10.00	10.00	10.00	10.00	100.00
5	Gong Datuk	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00	1,000.00
6	Jeram	5.00	5.00	5.00	5.00	5.00	5.00	5.00	5.00	5.00	5.00	50.00
7	Limbongan	150.00	150.00	150.00	150.00	150.00	150.00	150.00	150.00	150.00	150.00	1,500.00
	<b>JUMLAH</b>	<b>401.00</b>	<b>401.00</b>	<b>401.00</b>	<b>401.00</b>	<b>401.00</b>	<b>401.00</b>	<b>401.00</b>	<b>401.00</b>	<b>401.00</b>	<b>401.00</b>	<b>4,010.00</b>

**LAMPIRAN D**

**PENYATA BAYARAN CUKAI TALI AIR TERKEHADAPAN  
SEHINGGA BULAN ..... TAHUN .....**

**JAJAHAN : PASIR PUTEH**

BIL	DAERAH	TAHUN										JUMLAH PUNGUTAN (RM)
		1997 (RM)	1998 (RM)	1999 (RM)	2000 (RM)	2001 (RM)	2002 (RM)	2003 (RM)	2004 (RM)	2005 (RM)	2006 (RM)	
1	Padang Pak Amat	35.50	35.50	35.50	35.50	35.50	35.50	35.50	35.50	35.50	35.50	355.00
2	Bukit Abal	3.50	3.50	3.50	3.50	3.50	3.50	3.50	3.50	3.50	3.50	35.00
3	Bukit Awang	5.00	5.00	5.00	5.00	5.00	5.00	5.00	5.00	5.00	5.00	50.00
4	Bukit Jawa	3.50	3.50	3.50	3.50	3.50	3.50	3.50	3.50	3.50	3.50	35.00
5	Gong Datuk	35.50	35.50	35.50	35.50	35.50	35.50	35.50	35.50	35.50	35.50	355.00
6	Jeram	2.50	2.50	2.50	2.50	2.50	2.50	2.50	2.50	2.50	2.50	25.00
7	Limbongan	42.50	42.50	42.50	42.50	42.50	42.50	42.50	42.50	42.50	42.50	425.00
	<b>JUMLAH</b>	<b>128.00</b>	<b>128.00</b>	<b>128.00</b>	<b>128.00</b>	<b>128.00</b>	<b>128.00</b>	<b>128.00</b>	<b>128.00</b>	<b>128.00</b>	<b>128.00</b>	<b>1,280.00</b>